

10/06/2000

Lagi anggota Keadilan bertindak keluar parti

SHAH ALAM, Jumaat - Seramai 32 anggota Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Cawangan Kampung Fajar, Gombak termasuk ketuanya, Sabarudin Abu Kassim, bertindak keluar parti itu, hari ini.

Mereka berhasrat menyertai semula Umno dengan menyerahkan borang permohonan keanggotaan kepada Ketua Badan Perhubungan Umno Selangor dan Menteri Besar Datuk Seri Abu Hassan Omar, pada satu majlis di sini.

Menurut Sabarudin, tindakan itu diambil selepas menyedari perjuangan Keadilan tidak sampai ke mana dan parti itu tidak dapat membela nasib rakyat.

"Tindakan kami ini ikhlas tanpa tekanan daripada mana-mana pihak," katanya sambil memohon maaf kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin Barisan Nasional (BN) lain.

Sabarudin turut meminta anggota Keadilan di Teluk Kemang yang menghadapi pilihan raya kecil Parlimen esok supaya kembali ke pangkal jalan dan menghentikan sokongan mereka kepada Ketua Penerangan Keadilan, Ruslan Kasim yang menentang calon BN, S Sothinathan.

Semalam, Ketua Keadilan Bahagian Tanjung Karang, Baharudin Ali Masrom mengisytiharkan dirinya serta 60 anggota parti itu keluar parti dan memohon menyertai Umno.

Sebelum ini, Naib Ketua Pemuda Keadilan Kedah, Zuraidi Rahim; Setiausaha Pemuda Keadilan Selangor, Wan Indera Putra Ahmad dan Setiausaha Penerangan Pemuda Keadilan Pusat, Nordin Ahmad turut dilaporkan bertindak keluar parti.

Sementara itu, Abu Hassan berkata, jelas wujud keretakan besar dalam Keadilan yang mempunyai pemimpin yang mementingkan diri atau kumpulan mereka dan tidak memberi perhatian terhadap usaha membela rakyat seperti BN dan Umno.

Ketua Umno bahagian Gombak, Datin Paduka Zaleha Ismail juga hadir. -
Bernama

(END)